

# Kematian undang konflik lebih besar

U.M 29/12/07 MIS 2

KUALA LUMPUR 28 Dis. - Beberapa tokoh dan penganalisis politik menyifatkan kematian bekas Perdana Menteri Pakistan, Benazir Bhutto bakal menguatkan lagi kuasa militan di negara itu selain mengundang konflik lebih besar.

Menurut mereka, episod pembunuhan itu tidak sewajarnya berlaku kerana masih ada jalan lain yang boleh digunakan bagi menyelesaikan kemelut politik di negara tersebut.

Ketua Pergerakan Pemuda UM-NO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, tindakan membunuh Benazir adalah sia-sia kerana ia boleh menyebabkan keadaan yang lebih huru-hara di negara berkenaan.

"Saya fikir ini kerja militan ekstremis. Ini sikap yang amat buruk dan bakal mengundang lebih banyak kerosakan kepada negara tersebut.

"Saya juga percaya lebih banyak keganasan susulan akan berlaku di sana. Ini malapetaka besar untuk mereka," ujarnya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas tragedi yang menimpa Benazir Bhutto apabila terbunuh dalam satu serangan berani mati selepas menyampaikan ceramah kempen pilihan raya di Rawalpindi, Pakistan, semalam.



HISHAMMUDDIN  
TUN HUSSEIN



CHANDRA MUZAFFAR



ABDUL GANI PATAIL

Sekurang-kurangnya 20 orang terkorban dan 56 tercedera terdiri daripada para penyokongnya dan anggota polis.

Sementara itu, aktivis masyarakat yang juga tokoh akademik, Profesor Dr. Chandra Muzaffar berkata, pembunuhan Benazir akan merumitkan lagi keadaan politik Pakistan terutama dalam konteks pilihan raya pada 8 Januari depan.

"Saya yakin isu ini akan menjadi lebih kompleks. Lihat sahaja hubungan rapat yang dibinanya dengan Amerika Syarikat (AS).

"Kematianannya akan membawa komplikasi umum. Ini termasuk isu hubungan

tentera dengan sistem kerajaan Pakistan," katanya.

Penganalisis politik, Prof. Madya Dr. Ahmad Faiz Hamid menambah, kematian Benazir akan memberi peluang kepada muka-muka baru untuk bertanding dalam pilihan raya Pakistan akan datang.

Namun, katanya, persaingan pada pilihan raya itu nanti akan menjadi kurang sengit berikutan kekuatan yang dimiliki Benazir sebelum ini dalam menyatupadukan rakyat.

"Apa yang saya bimbang sekarang adalah campur tangan kuasa asing terhadap

sistem politik di negara itu.

"Campur tangan asing akan menjerat sistem politik di Pakistan kerana mereka memiliki wang dan kuasa.

"Sebagai pengajaran, negara-negara yang menganggotai Pertubuhan Negara-Negara Islam perlu mengurangkan 'politik' dalam negara masing-masing sebaliknya menganjurkan kedamaian," ujarnya.

Pegawai Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail pula berpendapat, kemelut politik di Pakistan boleh diselesaikan tanpa pembunuhan.

"Pakistan adalah negara Islam. Masalah yang dihadapi adalah isu dalam negara mereka sendiri.

"Tetapi mereka sebenarnya perlu mengambil berat pandangan antarabangsa. Jelas pembunuhan Benazir bukan jalan penyelesaiannya," tambah beliau.

Pemimpin pembangkang, Lim Kit Siang pula berkata, beliau amat terperanjat dengan apa yang terjadi dan menyifatkan kematian tokoh wanita itu sebagai permulaan kepada masalah yang lebih besar.

"Kematian Benazir itu bakal mencacatkan proses demokrasi yang sedang dilakukannya. Ini akan membawa masalah besar kepada negara itu. Pasti ada agenda di sebalik pembunuhannya," jelasnya.